

07 MAY 1998

Mahathir-Harris

MAHATHIR TIDAK RESTU HARRIS SALLEH

KOTA KINABALU, 7 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan sekerasnya dakwaan kononnya Parti Bersekutu dan pemimpinnya bekas Ketua Menteri Sabah Datuk Harris Salleh, mendapat restu daripada beliau.

"Tidak. Kita telah memecat Datuk Harris daripada Umno," katanya pada sidang berita selepas mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin BN negeri di sini sempena lawatan singkat beliau ke negeri ini.

Dr Mahathir berkata walaupun Harris telah menyatakan beliau telah meletakkan jawatan tetapi sehingga ini tidak ada dokumen mengenai perletakan jawatan tersebut.

"Oleh itu semasa mesyuarat Majlis Tertinggi baru-baru ini kita telah memecat beliau," kata Presiden UMNO itu semasa ditanya mengenai khabar angin bahawa Harris mendapat restu daripada beliau untuk menubuhkan parti baru.

"Harris tidak akan diterima sebagai anggota Barisan Nasional (BN) jikapun dia menang dan begitu juga dengan Parti Bersatu Sabah," katanya.

Harris tidak pernah menemui beliau (Dr Mahathir) sebelum melancarkan Parti Bersekutu baru-baru ini sebagai landasan untuk aktif semula dalam politik Sabah.

"Hanya ada satu BN (di Sabah) dan itulah yang ada di sini sekarang".

Kita tidak akan menerima sebarang parti sebelum atau selepas pilihan raya," katanya sambil merujuk kepada pilihan raya negeri yang seharusnya diadakan sebelum Mac tahun depan.

Dr Mahathir juga berkata beliau menyifatkan pemimpin yang telah merosakkan atau menyalahgunakan semuanya semasa berkuasa dan kemudian disingkirkan oleh rakyat tetapi masih berusaha untuk merosakkan semuanya sekali lagi sebagai bukan kawan yang baik.

--BERNAMA

KG oba